

06 OCT 1996

MCA BELUM CADANG HALANG AHLI BAWA MASALAH PARTI KE MAHKAMAH

SEREMBAN, 6 Okt (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata parti itu belum bercadang untuk mewujudkan peraturan menghukum mana-mana anggotanya yang membawa masalah parti ke mahkamah.

Katanya semua masalah dalaman yang berkaitan dengan parti itu haruslah diselesaikan melalui cara politik tanpa menggunakan mahkamah.

Beliau mengulas saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar semua parti komponen Barisan Nasional (BN) mengikuti jejak UMNO menghukum anggota yang membawa masalah dalaman parti ke mahkamah.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan sebuah restoran di Taman Makmur di sini hari ini, beliau berkata peraturan sedemikian mungkin tidak perlu kerana Akta Pertubuhan telah mempunyai peruntukan yang menyebut sebarang masalah dalaman parti tidak boleh dibawa ke mahkamah.

Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata beliau akan mengemukakan permohonan mendapatkan hak mendarat di tiga lagi destinasi di China untuk Penerbangan Malaysia (MAS) semasa lawatannya ke negara itu bulan depan.

Tiga destinasi baru itu ialah Shanghai, Xiamen dan Kunming manakala destinasi sedia ada ialah Beijing dan Guangzhou. -- BERNAMA

RAB MAI